

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (16)  
Tarikh : 15 April 2016

**Ketua Pengarang  
Daily Express**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR DAILY EXPRESS BERTAJUK "ANOTHER CASE OF CITIZENSHIP DENIED" BERTARIKH 11 APRIL 2016, ISNIN – M.S: 1 (LOCAL)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Lai Yun Lan yang berstatus bukan warganegara.

3 Hasil semakan mendapati Puan Lai Yun Lan telah dikeluarkan dengan Kad Pengenalan Merah (MyPr) kerana terdapat keraguan pada dokumen pengenalan diri yang dikemukakan oleh beliau semasa membuat permohonan Kad Pengenalan kali pertama serta tiada bukti berdokumen beliau telah dilahirkan di Sabah.

4 Sehubungan dengan itu, JPN mengesyorkan beliau untuk hadir ke mana-mana cawangan JPN yang berhampiran bagi mengemukakan permohonan Taraf Kewarganegaraan di bawah Perkara 14(1)(a) Seksyen 2(a).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' Sri KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)